

04/07/1999

Kekuatan sektor tani perlu diteliti

KUALA LUMPUR: Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berkata, kekuatan sektor pertanian dan pelancongan perlu diteliti dengan tujuan memaksimumkan sumbangannya kepada rakyat dan ekonomi negara sebagai persiapan menghadapi alaf baru.

Perdana Menteri berkata, langkah itu juga sejajar dengan dasar kerajaan untuk mempelbagai dan meningkatkan penggunaan sumber kekayaan dalam negara, terutama pada saat negara menghadapi kegawatan ekonomi.

"Seperti kita maklum, krisis ekonomi dan kewangan melanda negara rantau ini termasuk Malaysia menyebabkan perlunya kerajaan mengambil langkah yang lebih inovatif dalam membangunkan ekonomi negara," katanya merasmikan Pameran Pertanian, Holtikultur dan Agro-pelancongan 1999 (Maha '99) di Stadium Putra, Kompleks Sukan Negara Bukit Jalil, dekat sini, semalam.

Turut hadir Datin Seri Siti Hasmah Mohd Ali; Menteri Pertanian, Datuk Amar Sulaiman Daud; dan Menteri Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan, Datuk Kadir Sheikh Fadzir; dan Menteri Penerangan Tan Sri Khalil Yaakob.

Pameran selama dua bulan itu kali terakhir diadakan 30 tahun lalu.

Tahun ini pameran membabitkan tiga acara utama - Karnival Bunga; Pesta Bunga; dan Hari Peladang, Penternak dan Nelayan Kebangsaan '99 sebagai acara kemuncak pada 26 Ogos.

Dr Mahathir berkata, hari ini matlamat kerajaan adalah membangunkan ekonomi negara secara menyeluruh dengan memperkukuhkan pertalian antara pelbagai sektor, termasuk pembuatan, pertanian dan pelancongan.

Beliau berkata, perkara itu tidak mustahil kerana negara pernah melakukannya dengan cemerlang sejak merdeka dahulu.

"Sejak merdeka, kerajaan telah membangunkan sektor pertanian sehingga menjadi pengeluar utama barangan berasaskan kepala sawit, getah, kayu balak, lada hitam dan koko.

"Pada masa yang sama, negara mencapai kecemerlangan dalam bidang penyelidikan dan pembagunan serta pengurusan ladang sehingga Malaysia dijadikan pusat rujukan antarabangsa," katanya.

Sehubungan itu, katanya, rakyat masih perlu menggembleng keupayaan untuk meneruskan kecemerlangan itu, khususnya industri baru, seperti bunga-bunga, ikan hiasan, herba, ulam dan hasil kraftangan.

Dr Mahathir berkata, ketika zaman 60-an dahulu, Maha berjaya menarik minat pengunjung tempatan dan luar negara yang datang menyaksikan pelbagai hasil pertanian dan teknologi baru yang direka cipta.

Menurutnya, konsep Maha ketika itu memberi tumpuan kepada sektor petani kecil dengan penggunaan teknologi baru yang bermatlamat membangunkan sektor luar bandar, sekali gus membasmi kemiskinan.

"Tetapi, dengan kejayaan industri pembuatan, tumpuan kepada pertanian selain daripada jenis tumbuhan yang boleh dikomersilkan telah berkurangan.

"Kegawatan dan kemelesetan ekonomi memaksa kita memberi perhatian semula kepada pengurangan pergantungan kepada bahan makanan import," katanya.

(END)